

# PAUPM salur bantuan

**Temerloh:** Walaupun banjir besar melanda Pantai Timur Semenanjung sudah empat bulan berlalu, namun kesan bencana alam itu masih terasa, termasuk kerosakan harta benda sekolah yang masih belum dibalik pulih sepenuhnya.

Ini mendorong Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) meneruskan usaha membantu sekolah terjejas teruk antaranya Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Paya Kechik, di sini.

Setiausaha Agung PAUPM, Ghazali Selamat, berkata persatuan itu menyumbangkan RM6,000 untuk penyediaan pelbagai kelengkapan seperti kerusi dan meja tulis, meja makan, perabot seperti rak almari serta rak kasut pelajar dan guru.

Beliau berkata, mereka turut

menyertai aktiviti mengecat semula dinding luar dan dalam bangunan sekolah yang luntur serta kembang akibat ditenggelami banjir luar biasa pada Disember dan Januari lalu.

"Tabika itu dalam keadaan yang tidak selesa dan kurang kemudahan asas akibat peralatan seperti meja tulis dan perabot lain dihanyutkan arus deras," katanya kepada BH, di sini, baru-baru ini.

## Sumbangan alumni

Dalam pada itu, Ghazali berkata, Tabung Kemanusiaan PAUPM yang dibuka mulai 31 Disember hingga Februari lalu berjaya mengumpul RM26,000 yang disalurkan kepada mangsa banjir di Pantai Timur Semenanjung.

Katanya, kewujudan tabung itu membuktikan keprihatinan persatuan itu membantu mangsa banjir yang seharusnya

dicontohi dan dibanggakan.

"Kami bukan saja menyumbang bakti kepada alma mater (universiti tempat belajar), malah peka terhadap tanggungjawab sosial dan kebajikan masyarakat setempat.

"PAUPM berasa bangga atas sokongan positif daripada alumni bagi menjayakan setiap aktiviti dan lebih menarik, banyak kutipan terkumpul adalah sumbangan alumni," katanya.

Ghazali berkata, antara penyumbang adalah Yayasan Kebajikan Suria, Johor yang diterajui Datuk Soh Poh Seng, alumni UPM tahun 1976 dengan sumbangan sebanyak RM2,000; Tabung Alumni Prihatin PAUPM (RM1,500), manakala selebihnya individu dalam kalangan alumni UPM, ahli PAUPM dan EXCO persatuan.



Ghazali (kanan) menyerahkan cek replika kepada wakil Tabika KEMAS Paya Kechik.